



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SA)
Deputy Secretary General (Natural Resources)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
Ministry of Natural Resources and Environment
ARAS 16, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88861622
Faks : 03-88894957



Rujukan : NRE/GDI 500-11/4 Jld. 2 (1)

Tarikh : 18 Februari 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Naib Cancellor Universiti Awam

YBhg./YB Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN BAGI MENYERTAI PERTANDINGAN ANUGERAH GEOSPATIAL
KEBANGSAAN 2016 (AGK 2016)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Infrastruktur Data Geospacial Negara (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan menganjurkan '**Simposium Maklumat Geospacial Kebangsaan (NGIS) Ke-7**' yang akan diadakan pada **08-09 Ogos 2016**, bertempat di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**.

3. Bersempena Simposium ini, pihak YBhg./YB Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipelawa untuk menyertai **Anugerah Geospacial Kebangsaan 2016 (AGK 2016)** yang akan dipertandingkan dalam dua (2) kategori iaitu **Anugerah Kecemerlangan Geospacial (Umum)** dan **Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)**.

4. Bagi maksud tersebut, bersama ini disertakan brosur pertandingan (AGK 2016) untuk perhatian pihak YBhg./YB Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr./ Tuan/ Puan. Garis Panduan Anugerah Geospatial Kebangsaan 2016 dan borang penyertaan boleh dimuat turun menerusi laman web <http://ngis.mygeoportal.gov.my>. Borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **15 April 2016**.
5. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Puan Rusliza Hanim binti Maarif (03-88861184), emel liza.hanim@macgdi.gov.my dan Puan Siti Fatimah binti Abdullah (03-88861178), emel sfatimah@macgdi.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. MOHD ALI BIN MOHAMAD NOR)

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN

NGIS^{KE} 2016

MERAKYATKAN GEOSPATIAL KE ARAH KESEJAHTERAAN

TARIKH :

8-9 OGOS 2016

TEMPAT :

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA
PUTRAJAYA (PICC)

KOORDINAT:

2°53' 40.21"
101°40' 38.30"

PENGANJUR UTAMA:



PENGANJUR BERSAMA:



ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN 2016 (AGK 2016)

PENGENALAN

Anugerah Geospasial Kebangsaan (AGK) merupakan satu inisiatif bagi mengiktiraf agensi-agensi yang bergiat aktif dan inovatif dalam bidang geospasial. AGK diperkenalkan bagi merangsang penggunaan teknologi geospasial seterusnya meningkatkan inovasi dalam bidang geospasial yang menjurus kepada pembangunan negara. AGK juga dapat menyuntik kesedaran dan mencetuskan gelombang perubahan dikalangan organisasi dalam memperkasa aktiviti-aktiviti geospasial pada masa kini dan akan datang.

OBJEKTIF ANUGERAH

Memberi pengiktirafan kepada organisasi/agensi yang cemerlang dalam aktiviti berkaitan geospasial serta menggalakkan aktiviti geospasial dalam negara.

KATEGORI ANUGERAH

Anugerah Geospasial Kebangsaan ini terdiri daripada 2 kategori iaitu:

- i. Anugerah Kecemerlangan Geospasial (Umum)
- ii. Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Anugerah Kecemerlangan Geospasial (Umum)

- i. Terbuka kepada semua agensi sektor awam, swasta, badan berkanun dan Universiti Awam;
- ii. Maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap organisasi/agensi;
- iii. Penghasilan projek/program geospasial hendaklah diterajui oleh organisasi/agensi sendiri;
- iv. Penghasilan projek/program geospasial yang telah dilaksanakan sekurang-kurangnya bagi tempoh satu (1) tahun;
- v. Setiap penyertaan perlu mendapat pengesahan daripada Ketua organisasi/agensi; dan

- vi. Organisasi/agensi perlu bersedia untuk berkongsi idea dengan organisasi/agensi lain sekiranya terpilih sebagai pemenang.

Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)

- i. Terbuka kepada semua Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Pembekal Data Persekutuan yang terlibat di bawah program MyGDI;
- ii. Setiap penyertaan perlu mendapat pengesahan daripada Ketua organisasi/agensi; dan
- iii. Organisasi/agensi bersedia untuk berkongsi idea dengan organisasi/agensi lain sekiranya terpilih sebagai pemenang.

INSENTIF PEMENANG

Pemenang-pemenang akan menerima hadiah seperti berikut:

- i. Trofi.
- ii. Wang Tunai.
- iii. Sijil Penyertaan.

PENYERAHAN BORANG PENYERTAAN

Penyertaan adalah percuma dan organisasi/agensi yang ingin menyertai anugerah ini boleh memuat turun borang penyertaan di laman web <http://ngis.mygeoportal.gov.my>.

Borang yang lengkap mestilah dikembalikan sebelum atau pada 15 April 2016 kepada:

Pengarah
Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli, No. 25,
Persiaran Perdana,
Presint 4, 62574, Putrajaya, Malaysia
(u.p : Urus Setia Anugerah Geospasial Kebangsaan)
Sebarang pertanyaan atau penerangan lanjut boleh merujuk kepada:
Telefon : 03-88861184/1178
(Puan Rusliza Hanim/ Puan Siti Fatimah)
Email : anugerahNGIS@macgdi.gov.my
Faks : 03-88894851